

**21hb dan 22hb Julai 2010 / Tempat : Swiss Garden Hotel, K. Lumpur**

## Pengenalan:

Akta Kerja 1955 bertujuan untuk menetapkan terma-terma perkhidmatan minima serta peraturan-peraturan asas yang perlu diikuti oleh majikan dalam menggaji pekerja. Semua majikan yang menggaji pekerja adalah perlu mematuhi peruntukan-peruntukan akta ini. Akta ini juga menyediakan kemudahan kepada pekerja-pekerja dan majikan untuk menuntut hak-hak mereka sekiranya berlaku pertelingkahan. adalah akta utama yang mengawalselia bidang penggajian pekerja di negara ini. Latihan ini akan menerangkan defenasi undang – undang dan hak –hak serta kewajipan pengusaha dan pekerja Akta ini adalah penting bagi setiap kakitangan yang bertanggungjawab dalam menguruskan isu-isu sumber manusia mempunyai pengetahuan yang mencukupi ke atas peruntukan-peruntukan Akta Kerja. Ini boleh mengelakkan daripada berlakunya salah tafsir semasa penggubalan dan pelaksanaan polisi dan peraturan berkaitan sumber manusia / kakitangan. Sebarang kesilapan penggubalan / pelaksanaan dasar dan polisi yang melibatkan terma-terma perkhidmatan selalunya sukar dan mengambil yang panjang seterusnya melibatkan kos yang tinggi untuk diperbetulkan.

## Objektif:

Di akhir program ini, para peserta akan dapat;

- Memahami tentang undang – undang Akta Kerja 1955 dan mengemaskini Pindaan Akta Kerja 1998 untuk dijelaskan hak individu di dalam organisasi.
- Membincangkan akta-akta berkaitan dan perubahan yang dikemaskini terkini
- Bagaimana hak-hak dan kewajipan pengusaha dan pekerja bagi menyesuaikan pindaan tersebut dengan kerja harian.
- Mengenal pasti percanggahan dalam perkhidmatan yang tidak selari dengan peruntukan Akta Kerja;
- Memastikan semua tindakan berkaitan perkhidmatan dan sumber manusia selari dengan peruntukan Akta Kerja;
- Menggubal dan melaksanakan polisi syarikat seta mengoptimalkan penggunaan tenaga kerja selaras dengan kehendak Akta Kerja
- Mewujudkan suasana kerja yang harmoni serta membantu meningkatkan produktiviti.

## Kumpulan Sasar :

Kursus ini sesuai untuk kakitangan yang terlibat dengan tugas-tugas pengurusan sumber manusia, pentadbiran dan hubungan perusahaan seperti pengurus, penolong pengurus, kumpulan pengurusan pertengahan, eksekutif, penyelia dan pembantu pentadbiran kepada semua majikan dan pekerja.

## Metodologi :

Dikendalikan dalam Bahasa Malaysia / English dengan menggunakan kaedah pembelajaran dewasa melalui teknik-teknik berikut:

- Kuliah, bengkel, perbincangan dan perkongsian pengalaman
- Latihan kerja individu / kumpulan & latihan amali

## Tempoh Kursus :

Program ini adalah untuk tempoh 2 hari (9.00pagi hingga 5.00petang)

## Bayaran Penyertaan :

Bayaran untuk mengikuti kursus ini ialah RM980.00 seorang termasuk nota, makanan & minuman peserta dan sijil penyertaan. Potongan 10% akan diberikan kepada organisasi yang menghantar 2 atau lebih peserta.

## Kandungan Kursus:

<i>Hari Pertama</i>	<i>Hari Kedua</i>
---------------------	-------------------

<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pendahuluan dan Definisi Pekerja, Gaji dan lain-lain</li> <li>2. Kontrak Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bila kontrak perkhidmatan wajib dibuat bertulisPerkara-perkara yang perlu ada dalam kontrak perkhidmatan</li> <li>• Had-had ke atas kontrak perkhidmatan</li> </ul> </li> <li>3. Penamatan Kontrak Perkhidmatan / Disiplin, Salah laku dan Siasatan Dalam dan</li> <li>4. Penamatan kontrak cara biasa <ol style="list-style-type: none"> <li>I. Penamatan kontrak di atas sebab-sebab khas</li> <li>II. Perlanggaran kontrak (Breach of Contract) <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Oleh majikan</li> <li>b. Oleh pekerja</li> </ol> </li> </ol> </li> <li>5. Gaji <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran gaji</li> <li>• Pendahuluan gaji</li> <li>• Potongan gaji</li> <li>• Sistem bayaran gaji</li> <li>• Keutamaan bayaran gaji</li> <li>• Tanggungjawab Prinsipal</li> <li>• Kontraktor dan Sub-kontraktor membayar gaji</li> </ul> </li> <li>6. Perlindungan Wanita <ul style="list-style-type: none"> <li>• Larangan bekerja malam</li> <li>• Larangan bekerja bawah tanah</li> </ul> </li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>7. Faedah-Faedah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cuti rehat mingguan</li> <li>• Jam bekerja dan kerja lebih masa</li> <li>• Cuti am bergaji, cuti tahunan bergaji, cuti sakit bergaji</li> </ul> </li> <li>8. Kadar Gaji Biasa (Ordinary Rate of Pay) Seksyen 601 <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran-bayaran</li> <li>• Cuti rehat mingguan</li> <li>• Cuti am</li> <li>• Kerja lebih masa pada</li> <li>• Hari kerja biasa</li> <li>• Cuti mingguan</li> <li>• Cuti am</li> <li>• Faedah Penamatan Pekerja</li> </ul> </li> <li>9. Penggajian Pekerja-Pekerja Asing</li> <li>10. Aduan dan Siasatan – Mahkamah Buruh</li> <li>11. Kuasa-Kuasa Ketua Pengarah Tenaga Kerja, Pendakwaan dan Penalti</li> <li>12. Kuasa-Kuasa Tambahan Ketua Pengarah Termasuk Perlindungan kepada Mereka yang Bergaji sehingga RM50000 sebulan</li> <li>13. Pindaan – Pindaan Akta dan mengemaskini pindaan terkini</li> <li>14. Sesi Soal Jawab</li> </ol>
---	--

### Trainer's Profile : : **Haji Arip Bin Mohd**

**Tuan Haji Arip** mendapat pendidikan awal dari Kolej Islam, Klang dan melanjutkan pelajaran dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia di Northern Territory University, Darwin, Australia. Kepakaran dalam bidang Undang-undang Buruh dan Perhubungan Perusahaan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, sebagai Pegawai Penguatkuasa dan Pegawai Pendakwa Jabatan Tenaga Kerja, Pengendalian Disiplin Pekerja Dan Siasatan Domestik. Dasar-dasar Perburuhan Negara, Strategi Mengatasi Isu-isu dan masalah-masalah Perburuhan. Beliau memulakan kerjaya sebagai seorang guru dan selepas itu sebagai seorang Pegawai di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor. Mulai tahun 1977, memulakan tugas baru sebagai Pegawai Buruh di Jabatan Buruh Pelabuhan Klang dan seterusnya sebagai Pegawai Kanan Buruh Negeri Melaka, Penolong Pengarah Buruh Temerloh, Pengarah Buruh Negeri Sembilan dan sebagai Pengarah Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan di ibu pejabat Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia di Putrajaya dan juga merupakan Mantan Pengarah Tenaga Kerja Negeri Selangor. Berpengalaman luas selama 30 tahun dalam bidang Perburuhan dan Perhubungan Perusahaan serta sebagai Pegawai Pendakwa Jabatan Tenaga Kerja. Pernah menghadiri beberapa seminar di Negara-Negara ASEAN seperti 'Regional Training Program For Labour Attaches Protecting Migrant Workers : Strengthening Collaboration in Asia, di Chiang Mai, Thailand. Pernah mengikuti Kursus dan Attachment di bawah program BMITA – JPA) British- Malaysia Industries and Trade Association) di Rothman of Pallmall, Malaysia-UK, pada Julai 1998 - Januari 1999. Mewakili Kementerian Sumber Manusia dalam Persidangan Antarabangsa ASEAN GT di Singapura pada Jun 1999. Menghadiri Persidangan Perwakilan Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Filipina mengenai Kerjasama Dua Hala di Manila, Filipina pada 2004. Menghadiri dan mewakili Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia dalam menyediakan draf MOU mengenai Penggajian Pembantu Rumah Indonesia di Yogyakarta, Indonesia pada Februari 2006. Menjadi trainer bagi Pegawai-Pegawai Jabatan, Penceramah dan Pengajar Kursus Undang-Undang Perburuhan kepada Kesatuan Sekerja, Kesatuan Majikan, Agensi Kerajaan dan swasta serta Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) di seluruh Negara. Beliau juga adalah diakui sebagai " Certified Trainer" oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF). Tuan Hj. Arip masih menjadi pensyarah separuh Masa di Universiti Malaya, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan Negara (ILKAP), Jabatan Perdana Menteri dan pelbagai institusi latihan sehingga sekarang. Pernah dilantik sebagai Jawatankuasa Penyemak Pindaan Undan-Undang Buruh Malaysia bagi Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.